

10/10/2001

Peruntukan besar untuk aeroangkasa, maritim

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Jailani Razak; Ahmad Fiesal Othman LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima `01) keenam hari ini dengan iltizam menjadikan Malaysia lebih maju dalam bidang aeroangkasa dan maritim.

Bagi mencapai matlamat itu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi memajukan kedua-dua industri itu dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM8).

Katanya, mengikut Pelan Induk Industri Dua yang akan berakhir pada 2005, kerajaan akan terus memajukan industri aeroangkasa dan pengangkutan maritim sebagai industri utama.

"Bagi memacu pertumbuhan industri, kita menumpukan kepada pembekal kelengkapan pertahanan yang menawarkan program paling menarik, khususnya penggunaan bahan tempatan dan usaha lebih jujur dalam proses pemindahan teknologi.

"Pemindahan teknologi pula perlu memberi tumpuan kepada industri dan tidak hanya menawarkan latihan tidak produktif. Kita menggalakkan pembangunan vendor atau perkongsian dengan syarikat dalam bidang pembuatan, reka cipta serta kajian dan pembangunan," katanya merasmikan Lima `01, di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC), di sini.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir turut melahirkan harapan agar syarikat tempatan yang terbabit dalam industri itu meningkatkan teknologi serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Malaysia, katanya, mampu muncul sebagai pereka cipta dan pengeluar kelengkapan aeroangkasa seperti ditunjukkan melalui pelbagai kejayaan syarikat tempatan, terutama sejak Lima pertama pada 1991.

"Kita kini mampu mencipta dan mengeluarkan kelengkapan pesawat tertentu mengikut sub kontrak pengeluaran tulen. Kita juga telah menceburi teknologi tinggi seperti sistem bersepadu dan pembangunan simulasi.

"Ini terbukti dengan kemampuan negara menghasilkan pesawat udara tanpa juruterbang menggunakan Pesawat Eagle 150 oleh Composites Technology Research Malaysia (CTRM)," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi membantu meningkatkan industri itu, kerajaan menubuhkan Majlis Aeroangkasa Malaysia yang dipengeruskannya sendiri bagi menyediakan dasar, arah tuju dan sokongan terhadap perkembangan dan pembangunan industri berkenaan.

Selain itu, kerajaan turut menubuhkan Majlis Industri Pertahanan Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi membantu pembangunan industri pertahanan aeroangkasa dan industri pengangkutan maritim.

Beliau mempelawa pengeluar dan pedagang antarabangsa menjalin kerjasama dengan syarikat Malaysia bagi membentuk kerjasama yang lebih kompetitif.

Katanya, walaupun kemampuan teknikal negara makin terserlah, perolehannya masih rendah dan kerana itu, syarikat Malaysia perlu memasarkan kemampuan dan produk mereka secara global.

Bagi mencapai hasrat itu, beliau mencadangkan syarikat tempatan menyertai pameran peringkat antarabangsa, seperti Pertunjukan Udara Paris dan, Pertunjukan Udara Farnborough.

(END)